




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

RINGKASAN EKSEKUTIF 2024

PEMBANGUNAN DEFINISI TAHAP PEKERJAAN KE TAHAP TERTINGGI DAN PENYESUAIANNYA DENGAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

Disediakan oleh:
PFH Resources (M) Sdn. Bhd.





ABSTRAK

Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bertujuan untuk mengiktiraf kemahiran dan kompetensi individu menerusi penilaian yang berstruktur dan komprehensif. Sistem latihan yang berasaskan keterampilan ini diperkukuhkan melalui Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652). Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) merupakan dokumen rujukan utama bagi sistem latihan ini dan seterusnya individu tersebut akan dianugerahkan Pensijilan Kemahiran Malaysia. Perkembangan dan kemajuan teknologi mengakibatkan berlakunya perubahan di dalam corak pekerjaan serta kemahiran-kemahiran baharu di industri. Penghasilan tenaga kerja berkemahiran, berkualiti dan menepati kehendak pekerjaan yang sentiasa dinamik memerlukan satu penyesuaian semula agar latihan yang disediakan sentiasa relevan dengan permintaan industri. Oleh itu, kajian ini diadakan bagi menyemak semula struktur-struktur kompetensi pekerjaan agar selari dengan perubahan corak pekerjaan di industri. Kajian ini menggariskan empat objektif iaitu 1) mengenal pasti tahap kompetensi pekerjaan yang wujud dalam dan luar negara; 2) perbandingan tahap kompetensi pekerjaan sedia ada; 3) mengenal pasti tahap kompetensi pekerjaan dengan ciri-ciri komponen kemahiran, pengetahuan dan sikap; dan 4) mencadangkan definisi baharu tahap kompetensi pekerjaan mengikut susunan dari tahap terendah ke tertinggi. Metodologi kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif dengan Kajian Rekabentuk dan Pembangunan (*Design & Development Research, DDR*) yang dilaksanakan melalui tiga fasa. Seramai 127 wakil industri daripada 100 buah syarikat perindustrian dari Semenanjung Malaysia telah terlibat di dalam kajian ini. Perbandingan turut dilakukan dengan beberapa negara seperti Australia, Jerman, China, Korea Selatan dan Singapura terhadap struktur kompetensi pekerjaan yang diamalkan. Dapatan kajian mendapati tahap kompetensi pekerjaan dikembangkan ke Tahap 8 berbanding tahap kompetensi pekerjaan sedia ada. Definisi bagi tahap kompetensi pekerjaan telah dibangunkan beserta komponen-komponen kompetensi yang berkaitan. Perbincangan hasil kajian juga turut mencadangkan penambahbaikan kepada gelaran penjawatan, pengesyoran tempoh pemerolehan kompetensi pekerjaan, kadar peratusan komposisi komponen-komponen kompetensi dan nama-nama bagi Pensijilan Kemahiran Malaysia yang baharu. Kajian merumuskan bahawa pengembangan tahap kompetensi pekerjaan baharu bermula dari Tahap 1 hingga Tahap 8 dapat menambahbaik lagi struktur tahap kompetensi pekerjaan dan memandu pembangunan NOSS bagi memastikan pekerja di negara ini memiliki kompetensi pekerjaan yang relevan dengan keperluan industri semasa dan masa hadapan.